

12/08/1997

Kamarudin minta penyokong usah angkuh

PASIR PUTEH, Isnin - Calon Barisan Nasional (BN) yang menang dalam pilihan raya kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak (N30), Kamarudin Mohd Nor, 50, meminta semua penyokong parti menerima kemenangan itu dengan perasaan tenang dan tawaduk (merendah diri).

Dalam ucapan kemenangannya, beliau juga berharap tema 'Membawa Perubahan' yang diperkenalkan dalam pilihan raya kecil itu akan menjadi obor untuk menyemarakkan semangat perjuangan bagi memastikan kemenangan BN seterusnya.

Menurutnya, kejayaan itu adalah hasil kerja kuat dan persefahaman jitu jentera serta penyokong BN di semua peringkat.

"Kejayaan ini adalah berkat keikhlasan, penyelarasan dan kesungguhan jentera parti di semua peringkat," katanya, di sini malam ini.

Dalam pilihan raya kecil DUN Semerak itu, beliau meraih sebanyak 5,370 undi menewaskan calon Pas, Wan Mohd Fauzi Wan Hussain, 38, yang mendapat 4,592 undi, manakala calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim) hanya memperolehi 27 undi dan hilang wang pertaruhan.

Kamarudin bagaimanapun, hanya tiba di dewan Majlis Daerah Pasir Puteh, 15 minit selepas keputusan diumumkan pada jam 8.55 malam.

Beliau dijulung penyokong BN yang gembira dan menganggap kemenangan itu 'mengejutkan' berdasarkan kelebihan undi majoriti.

Hadir sama, ialah Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa; Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed; dan Ketua Pembangkang BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Kamarudin juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana kepercayaan mereka memilihnya sebagai calon di situ.

Beliau berazam sedaya upaya menunaikan segala amanah dan janji yang diucapkannya sepanjang tempoh berkempen, terutama membantu membangunkan kawasan Semerak dan rakyat setempat.

Sementara itu, Annuar berkata, kemenangan membuktikan rakyat Kelantan sudah bersedia menerima perubahan, seterusnya menawan semula negeri itu yang diperintah oleh Pas sejak 1990.